

Komunikasi guru ibu bapa, pengaruhi pembesaran kanak-kanak

Bukan mudah mendidik insan menjadi santun, tidak mudah menyampaikan ilmu dalam bilik kuliah. Jika pun boleh diajar, ia tidak cukup sekadar memberitahu, tetapi mesti dibimbing dan dilatih supaya adab itu diamalkan.

Kehendak dan keinginan seseorang untuk membina sahsiah diri akan memudahkan pembentukan akhlak mulia kerana perubahan berlaku hasil ikhtiar sendiri lebih bermakna berbanding usaha yang dilakukan orang lain.

Orang yang merendah diri dan berhempah tinggi lebih mudah membimbing anak menjadi insan yang luhur hatinya kerana proses tarbiah berlaku bukan hanya secara lisan tetapi juga berterusan melalui contoh teladan ditunjukkan.

Teladan yang diperoleh sejak awal proses pentarbiahan sangat memberi makna kepada ingatan anak. Kata-kata yang baik didengari daripada ibu bapa menjadi ikutan yang sehati dalam diri mereka, sekali gus membina asas komunikasi yang lembut dan santun dalam diri seseorang.

Begitu juga jika sebaliknya, sumpah seranah, umpat keji dan maki hamun yang menjadi ulam bicara sejak anak-anak mula mengenali dunia menjadikan mereka terikut dengan kata sedemikian. Malah mereka tidak merasa satu kehinaan dengan tingkah laku begitu.

Perantaraan komunikasi yang tiada batasan pada hari ini memungkinkan banyak budaya dan adab bertutur boleh dicontohi. Sebaik-baik bicara daripada lidah ibu bapa dan guru yang didengari secara langsung mendidik golongan pelajar mencontohi tutur bicara yang baik.



Tarbiah berkesan melalui teladan

Ia menjadi cabaran yang besar kepada setiap ibu bapa dan pendidik hari ini untuk menunjukkan teladan yang baik kerana pada masa sama segelintir mereka sangat mudah terpengaruh dengan budaya hidup mengetepikan adab sopan dalam pergaulan serta perkataan.

Adat kebiasaan menjadikan manusia alah pada bisanya. Sesuatu perkara yang aneh akan menjadi biasa jika dilakukan setiap hari, begitu jugalah perbuatan keji dan tutur kata kotor. Allah SWT tidak menyukai setiap orang yang melakukan perbuatan keji dan menggunakan kata-kata jelic.

Baginda SAW tidak pernah menyakitkan hati orang lain ataupun menjarakan kehormatannya dengan

tutur kata tidak sopan walaupun terhadap musuhnya dan musuh Allah SWT. Ia sesuai dengan tujuan Baginda diutus ke dunia sebagai rahmat ke atas sekalian alam.

Rasulullah tidak sakiti hati orang

Anas bin Malik mengatakan Rasulullah SAW tidak pernah memaki hamun, berkata-kata kotor atau mengherdik. Ketika hendak menegur, Baginda hanya mengatakan: "Semoga dia memperbanyakkan sujud." (Riwayat Bukhari)

Abu Hurairah pernah meminta Rasulullah melaknati orang musyrik, tetapi Baginda bersabda: "Sesungguhnya aku diutus bukan sebagai pelaknat akan tetapi aku

diutus sebagai rahmat." (Riwayat Muslim)

Generasi muda hari ini perlu disedarkan untuk berlemah lembut sesama insan, sama ada dalam perlakuan atau perkataan supaya akhlak Islam tidak dipersenda. Sudah sampai masanya setiap individu Muslim mengetepikan segala kepentingan diri untuk menyantuni pekerti mulia yang sebenar.

Tentulah bukan mudah melatih diri berakhlak murni, tetapi jika kita sentiasa memandu di atas landasan-Nya, Dia pasti akan memudahkan perjalanan kita menemui-Nya.

 **Penulis** ialah pensyarah kanan USIM

Kanak-kanak yang dididik dengan kesopanan bakal melahirkan generasi muda beradab dan berakhlak mulia.

[GAMBAR HIASAN]



←
NIK SALIDA SUHAILA